



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, Jumaat, 15 Disember 2023.

Untuk Terbitan Media

15 Disember 2023

## SIARAN MEDIA

### **DERITA 4 TAHUN BERAKHIR, PEKERJA ASING KEMBALI KE PANGKUAN KELUARGA ALERT: PERKESO TANGGUNG PENERBANGAN EVAKUASI PERUBATAN**

**KUALA LUMPUR:** Derita seorang pekerja asing yang cedera parah dan terkandas di Malaysia lebih empat tahun, berakhir selepas kembali disatukan dengan keluarga di Myanmar.

Aung Ko Thin, 32, yang sebelum ini berkelana ke Malaysia untuk berkhidmat dalam sektor pembinaan, dilaporkan terjatuh dari ketinggian kira-kira enam meter ketika bekerja, pada 2 Mei 2020.

Rentetan bencana kerja itu, beliau mengalami kecederaan serius dan sekadar mampu terlantar apabila impak kemalangan berkenaan didapati merencatkan koordinasi keseluruhan anggota badan, sekali gus menyukarkannya untuk menjalani kehidupan seharian.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata semakan rekod menunjukkan pemuda berusia 32 tahun itu dilindungi menerusi caruman Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Sehubungan itu, katanya, PERKESO meluluskan bayaran berkala Faedah Hilang Upaya Kekal dan Elaun Layanan Sentiasa, selain alat pemulihan serta bekalan makanan tambahan (*supplement*) untuk kegunaan selama sebulan.

"PERKESO juga menguruskan evakuasi perubatan (MEDEVAC) supaya Aung Ko Thin dapat pulang ke Myanmar bagi menjalani rawatan susulan.

“Kos penerbangan ditanggung sepenuhnya oleh PERKESO dan usaha ini turut mendapat kerjasama Kedutaan Myanmar di Malaysia serta Lembaga Keselamatan Sosial (SSB) Myanmar.

“Alhamdulillah, beliau selamat tiba di Yangon, Myanmar kelmarin dan kembali disatukan dengan keluarga yang sudah empat tahun tidak bersua,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Penerbangan MEDEVAC susulan kes bencana kerja membabitkan buruh asing ini adalah pertama kali dilaksanakan, selari penerapan konsep prihatin yang menjadi teras perkhidmatan PERKESO.

Sementara itu, Dr. Mohammed Azman turut menzahirkan penghargaan terhadap kerjasama daripada pelbagai pihak, termasuk majikan pencarum, Hong Poh Engineering Construction Sdn Bhd, yang menggalas tanggungjawab sepenuhnya ke atas pekerja mereka.

“Ini adalah contoh terbaik dan wajar dijadikan ikutan dalam kalangan majikan, malah PERKESO menaruh kepercayaan kebajikan hal ehwal pekerja berupaya menjadi motivasi ke arah peningkatan produktiviti,” katanya.

Tamat

t###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJobs One Stop Center diMalaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**15 DISEMBER 2023**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
**Mohd Wazid Zaidon**  
**+6017-619 3181**  
**[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)**